



**TEKS UCAPAN**  
**YBHG. TAN SRI OTHMAN BIN HAJI MAHMOOD**  
**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**  
**BERSEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN BULAN**  
**DISEMBER 2016**

**Tarikh : 15 DISEMBER 2016 (KHAMIS)**

**Masa : 8.30 PAGI**

**Tempat : AUDITORIUM JPM**  
**BLOK B1, KOMPLEKS JPM**

Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh,

Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Terima kasih kepada saudara-saudari Pengacara Majlis,
2. **Yang Berusaha Tuan Haji Zainal Abidin bin Abu Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan dan Pembangunan) JPM,**
3. **Yang Berusaha Puan Normi Binti Nordin, Timbalan Ketua Setiausaha (Pentadbiran), JPM,**
4. **Yang Berusaha Tuan Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman, Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)** selaku penganjur majlis pada kali ini.
5. Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Ketua-Ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin sekalian.

## **PENDAHULUAN**

6. Alhamdulillah segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya maka dapat kita bersama pada pagi yang berbahagia ini di Majlis Perhimpunan Bulanan bagi bulan Disember 2016 yang dihoskan oleh JAWHAR.

7. Saya kira Majlis Perhimpunan Bulan Disember 2016 pada hari ini adalah begitu istimewa kerana merupakan penutup tirai bagi tahun 2016 yang penuh mencabar. Saya juga percaya banyak kenangan pahit dan

manis terukir di sepanjang tahun ini yang boleh kita simpan sebagai memori dan dijadikan pedoman bagi memastikan perancangan gerak kerja di masa hadapan lebih baik dari yang sebelumnya.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

**RAKAMAN PENGHARGAAN KEPADA PEMENANG-PEMENANG ANUGERAH KHAS TAHUN 2016**

8. Di permulaan ucapan saya ini, saya mengambil kesempatan sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada para pemenang bagi Anugerah Khas Tahun 2016 seperti berikut:

- i. Anugerah Kehadiran Cemerlang Perhimpunan Bulanan TKSUK Tahun 2016;
- ii. Anugerah Agensi/Bahagian Paling Aktif Tahun 2016;
- iii. Anugerah Individu Paling Aktif Lelaki Tahun 2016; dan
- iv. Anugerah Individu Paling Aktif Wanita Tahun 2016.

Semoga dengan anugerah yang diterima ini akan menjadi pembakar semangat kepada Bahagian dan Individu-individu ini untuk terus mengekalkan rentak kecemerlangan yang telah mereka cipta.

9. Saya turut berharap agar semua Bahagian/Jabatan Agensi serta warga JPM yang lain tidak ada iri hati, tetapi tingkatkan usaha dengan lebih lagi supaya tahun hadapan Anugerah-anugerah Khas ini akan menjadi milik anda pula nanti.

YBhg Datuk-Datuk, hadirin hadirat sekalian,

### **MENELUSURI KEJAYAAN-KEJAYAAN JPM SEPANJANG 2016**

10. Setahun kita menelusuri tahun 2016, terdapat banyak pencapaian dan anugerah yang diterima oleh Agensi/Bahagian di bawah Jabatan Perdana Menteri. Ini membuktikan bahawa setiap usaha dan komitmen yang kita lakukan menghasilkan sesuatu yang bermanfaat dan luar biasa. Ini merupakan pengiktirafan kepada Jabatan Perdana Menteri dalam memberi perkhidmatan yang terbaik dalam sistem penyampaian Kerajaan. Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas saya ucapkan kepada warga JPM. Semoga pencapaian dan anugerah ini akan menguatkan tekad kita untuk terus menyumbang bakti dan kepakaran seterusnya memartabatkan perkhidmatan awam di Negara kita.

11. Antara pencapaian dan anugerah yang berjaya diterima oleh Agensi/Bahagian di bawah Jabatan Perdana Menteri sepanjang tahun 2016 ialah:

- i. Penarafan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan 2015 – Mencapai Tahap Cemerlang iaitu 5 Bintang;
- ii. 3G Awards (Global Good Governance Awards): Children Welfare Award – Program PERMATA menerima Anugerah 3G kategori Kebajikan Kanak-Kanak yang berlangsung di Istanbul yang diterima oleh YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah, Isteri kepada Perdana Menteri Malaysia merangkap Penaung Program PERMATA;
- iii. Pengiktirafan KPI HRMIS Tahun 2015 – Mencapai Tahap Cemerlang iaitu 5 Bintang;
- iv. Indeks Star Rating (SSR) 2015 – JPM telah berjaya mengekalkan prestasi 5 bintang bagi tahun 2015-2016;

- v. Tempat Ketiga Anugerah IKON Pengurusan Projek 2015;
- vi. Anugerah PTJ Terbaik 2016 dan
- vii. Anugerah Pengurusan Aduan Cemerlang Tahun 2015

12. Kejayaan-kejayaan ini diharap dapat dijadikan pemangkin kepada semua warga JPM untuk terus berusaha dengan penuh komitmen dan konsisten serta ditunjangi idea yang kreatif dan inovatif demi kelangsungan kecemerlangan JPM pada masa akan datang.

YBhg Datuk-Datuk, hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

13. Sebentar tadi kita telah menyaksikan persembahan montaj dari JAWHAR yang mengingatkan kita kepada penderitaan dan kesengsaraan etnik minoriti Islam Rohingya yang pada masa ini berhadapan dengan penghapusan kaum di wilayah Rakhine, Myanmar. Justeru, sebagai tanda prihatin, saya menggalakkan semua warga JPM untuk turut menyumbangkan sumbangan melalui tabung-tabung Rohingya yang ditubuhkan serta mendoakan supaya kaum Rohingya ini dilindungi oleh Allah S.W.T sentiasa.

Hadian hadirat yang dikasihi sekalian,

**ACARA-ACARA SEMPENA TAMAT TEMPOH PEMERINTAHAN SERI  
PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG (SPB YDPA) XIV**

14. Pada bulan terakhir ini juga, saya selaku Pengerusi Majlis Rasmi Kerajaan, BIUPA dan Kementerian/Jabatan lain yang terlibat baru sahaja selesai dengan Acara-acara Sempena Tamat Tempoh Pemerintahan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (SPB

YDPA) XIV bermula dengan Majlis Jamuan Negara, Istiadat Keberangkatan Balik SPB YDPA XIV, Istiadat Keberangkatan Tiba SPB YDPA XV serta Istiadat Melafaz Sumpah Jawatan, Menandatangani Surat Sumpah Jawatan dan Perisytiharan oleh SPB YDPA XV bersama Timbalan Yang di-Pertuan Agong. Alhamdulillah semuanya telah berjalan dengan lancar hasil komitmen semua pihak. Tahniah dan syabas saya ucapkan terutamanya kepada BIUPA sebagai agensi peneraju di atas usaha gigih dan komitmen tinggi yang ditunjukkan di sepanjang oersiapan sehingga selesainya acara-acara berkenaan.

## **PENUTUP**

15. Seperti yang hadirin sedia maklum, Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Tahun 2016 telah diadakan pada 11 Disember 2016 di Masjid Putra yang mana dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

16. Buat warga JPM yang beragama Kristian, Selamat Menyambut Hari Krismas yang bakal diraikan pada 25 Disember ini dan Selamat Bercuti kepada semua warga JPM yang akan bercuti pada hujung tahun bersama keluarga tercinta. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan terima kasih kepada JAWHAR selaku penganjur Perhimpunan Bulanan JPM pada kali ini.

Dengan itu saya akhiri ucapan saya dengan wabillahittaufik walhidayah,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.